

Gah!

Gaya Hidup • Artistik • Hiburan

Apabila daun layu dan hampir ‘mati’ beri ilham...

► NURMAYA ALIAS
nurmaya@spf.com.sg

SEHELAI daun hijau muda menarik perhatian Cik Maisarah Kamal sedang beliau membuat esei teori di sebuah kafe di Taman East Coast.

Beliau memerhatikan daun sehelai itu kian layu dan berubah warna kecoklatan sebelum beliau pulang selepas enam jam berada di kafe itu.

“Daun itu membuat saya berasa ia akan ‘mati’ di depan saya. Ia satu simbol terhadap kematiian dan masa, bahawa kematiian boleh datang awal menjemput seseorang biarpun secara perlahan, manakala masa boleh menyebelahi atau tidak menyebelahi manusia,” jelas Cik Maisarah.

Daun sehelai itu menjadi pencetus ilham baginya menjana bahan lukisan bagi menyertai Hadiah Pelajar Sovereign Art Charity (SAC) perdana, Singapore 2017.

Cik Maisarah adalah mahasiswa tahun pertama kursus ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam seni halus di Maktab Seni Lasalle.

Beliau menamakan tiga lukisan kanvasnya, *Leaf as the Measure of Time*, yang menampilkan tekstur daun dan rona tanah.

Hadiah Pelajar SAC dianjurkan sempena acara seni Singapore Contemporary 2017.

Mengulas tentang kerjasama Singapore



DAUN MENJADI ILHAM: Lukisan Cik Maisarah berjudul *Leaf as a Measure of Time* dipilih antara finalis Hadiah Pelajar Sovereign Art Charity sempena acara seni Singapore Contemporary 2017 dari 19 hingga 22 Januari ini di Pusat Pameran dan Konvensyen Suntec. – Foto NURMAYA ALIAS

Contemporary bersama Sovereign Charity Ltd bagi menubuhkan Hadiah Pelajar SAC, Pengarah Acara Singapore Contemporary, Encik Douwe Cramer, berkata:

“Pendidikan seni penting kerana ia merangsang pemikiran kritis dan komuni-

kasi selain sifat-sifat lain.

“Kerjasama ini bertujuan menggalakkan satu budaya dengan pelajar berani meneroka potensi mereka dalam seni visual dan menggalakkan pelajar agar terus memburu cita-cita kreatif dan artistik mereka kerana

karya seni mereka mempunyai potensi.”

Cik Maisarah adalah antara 20 finalis yang terdiri daripada pelajar menengah dan institusi pengajian tinggi yang karya mereka akan dipamer di Singapore Contemporary 2017.

Karya seni mereka juga akan diadili empat penggiat seni profesional termasuk Timbalan Pengarah Pendidikan Galeri Nasional Singapura, Cik Ye Shufang, dan Pengarah Acara Singapore Contemporary dan Photo17 Singapore, Encik Douwe Cramer.

Pengunjung ke acara Singapore Contemporary 2017 juga berpeluang melihat karya seni finalis dan mengundi lukisan kegemaran mereka.

Pemenang Hadiah Pelajar SAC akan diumumkan di acara seni itu dan berpeluang memenangi hadiah pertama \$1,000 serta hadiah undian bernilai \$500.

Acara seni edisi kedua Singapore Contemporary memaparkan 88 pempamer setempat dan antarabangsa dengan 13 pemasangan seni dan peluang menemui seniman terkenal dunia.

Ia bakal berlangsung dari 19 hingga 22 Januari di Pusat Pameran dan Konvensyen Suntec.

Menurut Cik Maisarah, lulusan diploma seni halus di Akademi Seni Halus Nanyang, beliau telah menyertai Hadiah Pelajar SAC bagi mencari peluang mendedahkan bakat lukisannya.

Sebelum ini, Cik Maisarah pernah memperkenan dua siri karyanya yang diberi nama *Tidal Wave* dan *On Geometry* di Maya Gallery sempena Pameran Kini.

“Saya berharap dapat lebih pendedahan menerusi acara pameran seni yang menggabungkan artis setempat dan antarabangsa di Singapore Contemporary 2017 nanti,” kata Cik Maisarah yang meminati seni unsur konseptual.

Beliau pernah mempelajari bidang perniagaan di Politeknik Republic tetapi tidak meneruskan pengajiannya kerana lebih berminat dalam bidang seni lukis.

“Setiap lukisan abstrak atau kontemporal mempunyai cerita tersendiri. Itu salah satu cabaran saya dalam proses menghasilkan karya ini agar pengunjung memahami lukisan saya,” kata Cik Maisarah.

Lantas, beliau mengalu-alukan pengunjung membaca kenyataan artis yang disertakan bersama lukisannya di pameran seni itu nanti.

► Acara seni Singapore Contemporary 2017 akan diadakan dari 19 hingga 22 Januari di Pusat Pameran dan Konvensyen Suntec. Tiket berharga \$25 hingga \$48 boleh ditempah menerusi laman Sistic atau www.singaporecontemporary.com.